

Anwar diberi kawalan kehormat rasmi di Moscow

Lawatan PM detik penting dalam hubungan dua hala Malaysia-Russia

Daripada
Muhammed
Ahmad Hamdan
bhnews@bh.com.my
di Moscow



Loon Lai pada sidang media sempena lawatan rasmi Anwar ke Russia.

(Foto BERNAMA)

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menerima kawalan kehormat rasmi sejouris tiba di Moscow, iaitu satu penghormatan yang pertama diberikan kepada Perdana Menteri Malaysia dalam tempoh hampir 20 tahun.

Duta Malaysia ke Russia, Datuk Cheong Loon Lai, berkata penghormatan itu melambangkan detik penting dalam hubungan dua hala Malaysia-Russia, dengan penghormatan sama terakhir diberikan kepada Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi pada Jun 2007.

Abdullah melakukan lawatan rasminya sebagai Perdana Menteri kelima ke Moscow ketika itu, juga di bawah kepimpinan Presiden Vladimir Putin.

"Kawalan kehormat malam ini (tadi) mencerminkan kepentingan lawatan ini bagi Russia dan juga nilai strategik yang diletakkan terhadap hubungan dengan Malaysia," katanya pada sidang media.

Loon Lai berkata, kehadiran Anwar selama empat hari kali ini dikategorikan sebagai lawatan rasmi yang berbeza dengan lawatan kerja beliau ke Vladivostok pada September 2024 sempena Forum Ekonomi Timur, di mana beliau turut bertemu Putin.

Katanya, lawatan kerja biasanya merangkumi pembabitkan khusus seperti menghadiri persidangan atau mesyuarat dua hala dan tidak semestinya disertakan dengan protokol rasmi penuh.

"Lawatan rasmi pula membatikan elemen negara yang formal seperti kawalan kehormat dan mencerminkan skop hubungan dua hala lebih menyeluruh serta mendalam," katanya.

Loon Lai berkata, lawatan Anwar pada September lalu, mencetuskan momentum baharu dalam hubungan Mala-

ysia-Russia yang membawa kepada penyertaan negara sebagai negara rakan kepada kumpulan BRICS baru-baru ini.

"Hubungan dua hala memang wujud selama ini, tetapi sejak lawatan Perdana Menteri pada September lalu, kita lihat peningkatan minat dan kehendak politik yang ketara daripada kedua-dua pihak untuk memperkukuh kerjasama," katanya.

Malaysia berkecuali

Ketika ditanya sama ada lawatan ini akan menimbulkan kebimbangan di pihak Barat, khususnya Amerika Syarikat (AS), memandangkan ketegangan perdagangan dan persaingan geopolitik, Loon Lai menegaskan pendirian Malaysia adalah konsisten.

"Malaysia berkecuali dan sejak awal lagi kita sudah menjelaskan bahawa kita tidak akan terjebak dalam persaingan kuasa besar.

"Hubungan kita dengan Russia, seperti juga dengan mana-mana negara lain, adalah berasaskan kepentingan nasional dan usaha memacu kemakmuran ekonomi," katanya.

Loon Lai berkata, lawatan berkenaan mencerminkan dasar luar Malaysia yang lebih meluas dalam memperkukuh hubungan rentas rantau dan menggalakkan kerjasama pelbagai hala dengan kuasa yang mapan dan sedang membangun.

Turut mengiringi Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang serta Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.